| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,350 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,050 |

# Pertubuhan Peladang akan dirombak - Menteri pertanian

News | Diterbitkan Hari ini 4:04 petang | Dikemaskini Hari ini 4:04 petang
Kepimpinan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) akan dirombak bagi memastikan pertubuhan itu berupaya menjadi 'payung' kepada golongan petan...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/3/2019 | SINAR HARIAN | PENCEMARAN SUNGAI KIM-KIM | 36 |

# Pendapatan nelayan terjejas

***Orang ramai kurang beli hasil laut kerana bimbang tercemar***

JOHOR BAHRU



Amin Azizi, 20, memakai penutup hidung dan mulut ketika berniaga di Pasar Nelayan Persatuan Nelayan Johor Selatan.



Azli menunjukkan lambakan kupang yang disyaki tercemar akibat sisa kimia dari Sungai Kim Kim.

Insiden pencemaran sisa bahan kimia di Pasir Gudang, sejak 7 Mac lepas, bukan sahaja menjejaskan kesihatan penduduk sekitar malah menyebabkan tangkapan dan hasil jualan nelayan merosot.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd Aziz berkata, seramai 650 anggota persatuan itu dari beberapa perkampungan sekitar mendakwa hasil jualan mereka berkurangan sehingga 50 peratus sejak 10 hari kejadian.

"Pencemaran ini menyebabkan 250 nelayan dari empat kampung di sekitar Sungai Kim Kim iaitu nelayan orang asli Telok Kabung, Kampung Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Kampung Pasir Gudang Baru, yang menjadikan sungai itu sebagai punca rezeki, terjejas," katanya ketika ditemui di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru.



Nelayan, Azizi Mohd Aziz, 52, memakai penutup hidung dan mulut ketika membaiki jala di Pasar Nelayan Persatuan Nelayan Johor Selatan.

Azli berkata, seramai 400 nelayan sekitar turut menerima tempias pencemaran itu termasuk nelayan Tanjung Langsat, Kong Kong, Kampung Sungai Tiram dan Bakar Batu apabila hasil jualan merosot kerana orang ramai takut untuk membeli hasil tangkapan laut mereka.

"Kejadian ini turut menyebabkan berlakunya lambakan ikan dalam kalangan nelayan termasuk yang didaratkan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana orang ramai tidak datang membeli ekoran dikhuatiri tercemar," katanya.

Beliau berkata, kebiasaannya jualan nelayan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru dianggarkan sebanyak 100 kilogram hingga 150 kilogram sehari dengan nilai jualan RM3,000 hingga RM4,000 namun, ia menurun kepada 18 kilogram hingga 30 kilogram sehari sejak 10 hari lalu dengan nilai jualan antara RM300 dan RM600.

Katanya, sejak empat hari lepas, sebanyak dua tan ikan dan hasil laut terkumpul terpaksa disimpan di peti sejuk di pasar itu kerana ketiadaan pembeli, yang dianggar kesemuanya bernilai RM5,000.

"Permintaan terhadap kupang juga merosot. Biasanya saya mampu menjual 500 kilogram hingga 1 tan sehari kepada peraih di sekitar bandaraya ini dan Batu Pahat, namun, ia kini berkurangan kepada 100 kilogram hingga 300 kilogram sahaja sehari," katanya.

Azli berkata, sebenarnya orang ramai tidak perlu bimbang terhadap kesemua ikan dan hasil laut yang dijual di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana kebanyakan ikan berkenaan bukannya dari Sungai Kim Kim sebaliknya dari laut Selat Tebrau timur dan kawasan nelayan lain seperti Sedili, Endau, Mersing serta Batu Pahat.

Sehubungan itu, Azli berharap pihak bertanggungjawab berkaitan dengan industri perikanan dapat memberikan penjelasan bahawa hasil laut itu selamat untuk dimakan sekali gus dapat memberi kelegaan bukan sahaja kepada nelayan tetapi juga pembeli.

Berhubung pencemaran di Sungai Kim Kim yang kaya dengan ikan kitang, selangat, belanak, belukang dan siput, Azli memaklumkan, beliau difahamkan lebih 40 laporan polis dibuat nelayan orang asli Teluk Kabung sejak 6 Mac, yang melaporkan terhidu bau busuk selain air sungai terlibat bertukar keruh dan menyebabkan ikan-ikan mati. - *Bernama*

**info**

**650 ahli Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan dakwa hasil jualan merosot sehingga 50 peratus sejak 10 hari lalu**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# 650 nelayan terjejas

**PASIR GUDANG 16 Mac** - Pencemaran toksik Sungai Kim Kim di sini turut terkena tempiasnya kepada lebih 650 nelayan apabila hasil jualan mereka berkurangan hingga 50 peratus sejak insiden berlaku 7 Mac lalu.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, berikutan kejadian itu, pelbagai jenis ikan yang biasa dijual kepada peraih sebanyak 100 hingga 150 kilogram sehari kini hanya terjual sekitar 18 hingga 30 kilogram.



AZLI MOHD. AZIZ

"Jika jualan sehari kami mampu mencecah hingga RM4,000 sehari tetapi sejak insiden pencemaran toksik itu berlaku kami dapat dalam RM300 hingga RM600 sehari sahaja," katanya ketika ditemui pemberita di Pasar Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan di Kampung Pasir Gudang Baru di sini hari ini.

Tambahnya, sejak empat hari lalu, sebanyak dua tan ikan dan hasil laut lain terkumpul dianggar bernilai RM5,000 terpaksa disimpan dalam peti sejuk di pasar itu kerana ketiadaan pembeli.

Beliau berkata, ikan dan hasil laut lain yang dibeli peraih dihantar ke Jeti Pengkalan Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru pada setiap hari sama ada waktu pagi, tengah hari, petang atau malam.

Tambahnya, lebih 650 orang yang terjejas terdiri daripada nelayan di kawasan Pasir Gudang antaranya dari Kampung Tanjung Langsat, Kampung Kong Kong Laut, Kampung Sungai Latoh, Kampung Sungai Tiram, Kampung Bakar Batu, Kampung Plentong Tengah, Kampung Senibong, Kampung Teluk Jawa dan Kampung Kuala Masai.

Daripada jumlah itu, katanya, 250 nelayan terjejas teruk kerana mereka turut menangkap ikan antaranya ikan kitang, selangat, belanak dan belukang di Sungai Kim Kim melibatkan empat perkampungan nelayan iaitu Teluk Kabung, Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Pasir Gudang Baru.

"Logiknya, nelayan berdekatan Sungai Kim Kim sahaja yang terjejas tetapi ini hampir seluruh nelayan di Pasir Gudang turut terkena tempias kerana ramai yang takut nak beli ikan sebab merasakan makanan laut itu sudah tercemar," katanya.

Azli memberitahu, pada 6 Mac lalu dia dimaklumkan lebih 40 laporan polis dibuat membabitkan nelayan Orang Asli Teluk Kabung yang melaporkan terhidu bau busuk selain air sungai terlibat bertukar keruh dan menyebabkan ikan mati.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | KOSMO | BENCANA UDARA | 8 |

# Pencemaran Sungai Kim Kim jejas pendapatan nelayan

**PASIR GUDANG** – Insiden pencemaran sisa bahan kimia di Pasir Gudang sejak 7 Mac lalu bukan sahaja menjejaskan kesihatan penduduk sekitar malah menyebabkan tangkapan dan hasil jualan nelayan merosot.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, seramai 650 anggota persatuan itu dari beberapa perkampungan sekitar mendakwa, hasil jualan mereka berkurangan sehingga 50 peratus sejak 10 hari kejadian pencemaran kimia.

"Pencemaran ini menyebabkan 250 nelayan dari empat kampung di sekitar Sungai Kim Kim iaitu nelayan Orang Asli Telok Kabung, Kampung Perigi Aceh, Kampung Pasir Putih dan Kampung Pasir Gudang Baru yang menjadikan sungai itu sebagai punca rezeki terjejas.

"Kejadian ini turut menyebabkan berlakunya lambakan ikan termasuk yang didaratkan di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana orang ramai tidak datang membeli ekoran dikhuatiri tercemar," katanya yang ditemui di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru di sini semalam.

Katanya, sejak empat hari lalu, sebanyak dua tan ikan dan hasil laut terkumpul terpaksa disimpan di peti sejuk di pasar itu kerana ketiadaan pembeli yang dianggar kesemuanya bernilai RM5,000.

"Permintaan terhadap kupang juga merosot. Sebenarnya orang ramai tidak perlu bimbang terhadap kesemua ikan dan hasil laut yang dijual di Pasar Nelayan Kampung Pasir Gudang Baru kerana kebanyakan ikan berkenaan bukannya dari Sungai Kim Kim.

"Sebaliknya dari laut Selat Tebrau timur dan kawasan lain seperti Sedili, Endau, Mersing serta Batu Pahat," katanya.



AZLI menunjukkan lambakan kupang yang disyaki tercemar akibat sisa kimia dari Sungai Kim Kim ketika tinjauan di Sungai Masai, Kampung Pasir Gudang Baru semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Agriculture department issued RM600k in the past three years with 45 farmers from Sibu | | |
| MediaTitle | United Daily News (Kuching) | | |
| Date | 17 Mar 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 35,320 |
| Page No | 12 | Readership | 105,960 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 135 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 718 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 2,155 |



# 農工部3年撥款60萬
## 詩巫45農夫受惠

（本报诗巫16日讯）诗巫区国会议员林财耀日前在国会中向农业与农基工业部提问，关于该部门将采取何种措施来保障诗巫的农耕业者收入。

该部门透过书面回答表示，在2016年到2018年，该部门透过砂农业部拨款了60万，做为协助发展诗巫农耕业，共有45位诗巫、实兰沟以及加拿逸的农夫从该款项下受惠。

另外，所有的菜农都受促参与联邦农业部下的“合约农场计划”（Program Ladang Kontrak），以确保农产品能获得同等回酬，并增加业者收入。

目前诗巫共有38名业者参与该计划，农场占地总面积69.4公顷。

参与该计划的业者能透过多种平台来销售农产品，即联邦农业销售局（FAMA）所推行的“农业直销市集”（JTDL）以及“我的超值消费”（MyBestBuy）。

目前该部门在柏迈社区、德大路、甘榜希礼以及甘榜拿督设有联邦农业销售局农业市集（AgroBazaar），农耕业者可经过注册后在该处售卖自家的农产品。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Better policy to help on the farmers | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 206 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,561 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,682 |



## 沙拉胡丁：采有效机制

# 拟更友善政策助农民

（吉隆坡16日讯）政府将检讨国家农业政策，致力增加农业对国内生产总值的贡献，及提高农业对国家的重要。

农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁说，配合政府要拥抱及落实先进农业，我国农业领域不能落于人后。为此他将与首相敦马哈迪医生讨论采用有效机制，通过对农民及渔民更友善的农业政策来协助农民。

他周四为2019年农业银行商业对话主持开幕仪式后说，政府必须通过提供奖掖，如更低的电费及农业设备进口税，来协助年轻及中小农业企业家。

沙拉胡丁也希望看到农业领域落实合理电费。

此外，他认为应该调低耕种及捕鱼配备，如犁机械及渔网的税率。农业银行也受促快速探讨农民融资的新方式。

“确保有利可图之余，银行必须更亲民，协助小型农业获得合理数目的融资贷款。农业银行应继续支持成功的中小企业，让他们再创高峰。”

针对国家农粮政策，沙拉胡丁指我国白米的自供自给水平已达71.9%，农业部目标是在未来5年增长5%。

农业部也聚焦在发展畜牧业，尤其是养殖奶牛，该领域的自足自给水平达到58%。

他指畜牧业方面，政府计划生产喂食动物的玉米粒。我国每年进口约32亿令吉粮食。出席嘉宾包括农业部秘书长拿督沙乐胡丁、农业银行主席丹斯里查比迪、农业银行总裁兼总执行长赛阿威等。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Probe into the illegal rice import | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 17 Mar 2019 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 109 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 826 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,477 |



# 查违例菲白米入口商

**（吉隆坡16日讯）**农业与农基工业部指出，大马皇家关税局是基于菲律宾白米入口商抵触国家港口转运及过境贸易条例，因此扣留其351个货柜白米。

农业部促各造保持冷静，与关税局合作，让官员在不受干扰下展开调查工作。

农业部发文告说，政府是援引1967年关税局法令第135条文展开调查，并非是1994年稻米管制法令（522法令）下调查。该部决定让关税局调查此事，调查程序已进行中。

根据网媒"自由今日大马"报道，菲南白米入口商不满大马关税局不合法扣留其351个货柜白米，因此决定抵制沙巴及纳闽的白米转运。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/3/2019 | STAR | NEWS | 3 |

# 'Pets not immune to effects of toxic fumes'

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

**PASIR GUDANG:** Pet owners here have been told to give special attention to their pets as they too could be affected by the emission of toxic fumes from the polluted Sungai Kim Kim.

Noah's Ark Animal Shelter chairman Mariam Yusof said animals too could be exposed to the fumes and their lives could be at risk and owners should keep a lookout for their pets' health especially their cats and dogs.

"Animals who might be suffering from toxic fumes will show similar symptoms to humans such as vomiting with difficulty breathing," she said.

Mariam added that the group was in constant contact with their Johor Baru branch on the condition of animals in the district.

"So far, we have yet to receive any information on animals that have fallen sick or are suffering from the toxic fumes in the district.

"However, I urge owners to lessen outdoor activities and to take their pets immediately to a veterinarian if they notice their animals are unwell," Mariam said.

It was reported that the district has been hit with toxic fumes and thousands of people have been treated due to the chemical waste dumped into Sungai Kim Kim.



**Moving hazardous material:** The team involved in Ops Kim Kim carrying out excavation work at Sungai Kim Kim near Pasir Gudang. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/3/2019 | NEW SUNDAY TIMES | NEWS / FINDING SOLUTION | 46 |

GARBAGE SITE

# PETS DUMPED BY OWNERS

**A RESIDENT** has expressed concern that a garbage collection site near the Taman Fortuna shop area in Kota Kinabalu has turned into a pet dumping site.

The resident, who wished to be known only as Emily, said she had seen individuals dropping off cats at the site.

"I have seen this three times. A car stopped at the site and the passenger got down with a cat and released it there. It makes me wonder why they did not send the cat to an animal shelter."

Emily said a pet owner once told her she wanted to let go of her cat and claimed that no animal shelter was interested in taking it.

"The owner said she had no choice, but to dump his cat at a garbage site. It's really sad, especially to hear that even animal shelters refused to take the animal. If this is true, why?"

**ACTIONLINE:**

*Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) volunteer Dr Randolf Paza said there had been cases where the SPCA took in pets and dogs from their owners.*

*"However, it depends whether we have enough space to take these pets or stray animals. Currently, there are 400 cats and dogs (under SPCA care and awaiting to be adopted).*

*"If pet owners decide to let go of their pets, they can come to SPCA, but we will have to query them first. It's part of the procedure. We need to know what's the reason they are letting the animals go and ascertain the animals' health status.*

*"We will look at the owner's profile, whether he/she is a repeated owner who dumps his or her pets. There have been cases where pet owners want to keep puppies only because they are cute. When they grow up, they are not wanted anymore."*

*Paza advised pet owners to be more responsible.*



Dr Randolf Paza

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 38 |

# Cuaca panas: Keropok keping lebih berkualiti

**KUALA TERENGGANU -** Musim panas sememangnya dinanti oleh pengusaha keropok keping kerana ia membantu dalam menghasilkan keropok yang lebih berkualiti.

Seorang pembantu di sebuah kedai keropok keping di Kampung Pengkalan Setar, Rohana Mohd Din, 30, berkata, keropok yang dihasilkan bukan sahaja lebih berkualiti malah tahan lebih lama.

"Biasanya, warna keropok keping yang dijemur pada musim panas begini akan lebih keperangan.

"Rasanya juga akan sedap dan tidak mudah hancur apabila melalui proses pembungkusan," katanya.

Menurutnya, selain dijemur, terdapat satu lagi kaedah yang digunakan untuk mengeringkan keropok keping iaitu menggunakan proses salai.

Katanya, kaedah itu biasanya digunakan ketika cuaca tidak menentu seperti musim tengkujuh di mana keropok dikeringkan menggunakan kipas dan api gas.

"Namun, keropok yang dihasilkan akan cepat hancur dan tidak tahan lama," katanya yang menggunakan kaedah salai dalam tempoh tiga hingga empat bulan sepanjang tengkujuh.



Rohana membungkus keropok keping untuk dipasarkan.



Faridah menyusun keropok untuk dikeringkan di Kampung Pengkalan Setar.

Rohana berkata, pada musim panas ini, penghasilan keropok bertambah tiga kali ganda berbanding musim tengkujuh.

Katanya, dalam sehari dia dapat menghasilkan 180 kilogram keropok menggunakan tiga tong ikan.

Seorang lagi pembantu, Faridah Mohd Jening, 36, berkata, cuaca panas memberi banyak manfaat kepada perusahaan keropok keping.

"Selain kualiti bertambah baik, tempoh untuk menghasilkan keropok keping juga lebih singkat kerana cuaca panas membantu mempercepatkan proses pengeringan keropok ini.

"Jadi, ia tidak memakan masa yang lama untuk memastikan ia benar-benar kering sebelum dibungkus," katanya.

Kebanyakan keropok keping Kampung Pengkalan Setar dipasarkan menerusi premis perniagaan sedia ada di kampung itu dan juga boleh didapati di Pasar Besar Kedai Payang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/3/2019 | SINAR HARIAN | SENTRAL | 20 |

# Permintaan vanila di pasaran global tinggi

KUANTAN – Mereka yang tercari-cari jenis tanaman yang berpotensi untuk diketengahkan di pasaran dunia seharusnya mempelopori bidang penanaman orked yang menghasilkan buah vanila.

Ini kerana, vanila asli hanya memenuhi sekitar tiga peratus permintaan di pasaran dunia selebihnya dikuasai campuran ekstrak, esen dan perasa tiruan atau perasa vanila yang dihasilkan secara sintetik.

Pengusaha tanaman yang juga pemilik jenama Vanilla Temerloh, M Feisal Mohamad Norawi, 37, berkata, ramai yang tidak menyedari potensi pasaran vanila kerana ia yang pertama diusahakan di Semenanjung Malaysia dan tahap kesedaran umum mengenai tanaman ini belum meluas.

"Saya sendiri mengambil masa 10 tahun untuk faham dan fokus dengan penanaman vanila sebelum memberi tumpuan kepada ladang yang bermula sejak 2008.

"Ketika itu saya menanam sebanyak 400 pokok dan diusahakan secara sambilan kerana masih bekerja di syarikat swasta. Kerana kekurangan ilmu dan tiada mentor saya sendiri hampir mengetepikan produk yang sangat berpotensi ini.

"Saya sekadar memperoleh ilmu tanaman daripada internet dan seorang guru, Ishak Musa dari Kamlung Pamah Kulat, Raub. Hasil diperoleh sepanjang 2008 hingga 2017 hanya sekitar 89 kilogram sahaja kerana kurang penumpuan kepada kebun. Pada 2017 selepas menyedari permintaan yang tinggi vanila di pasaran dunia, baharulah saya tekad menambah bilangan tanaman kepada 4,000 pokok," katanya pada sesi temu bual Sinar Live bersama wartawan Nor Khalilah Gusti Hassan.

Menurutnya, bermula April 2017 hingga kini, sekitar 2,500 pokok sudah ditanam dan baki 1,500 akan ditanam secara berperingkat di ladang seluas 0.6 hektar.



M Feisal menjelaskan potensi tanaman vanila yang mampu menjana pendapatan lumayan.

Dalam pada itu, beliau mengaku tidak menang tangan menerima tempahan pembeli dari Amerika Syarikat, Singapura, Hong Kong, Kemboja, Jerman, Perancis dan United Kingdom yang datang membeli secara terus.

"Kami juga sudah eksport vanila mentah ke sana beberapa tahun lalu. Terbaharu kami menerima permintaan dari sebuah syarikat berpangkalan di Colorado, Amerika Syarikat dan perjanjian jual beli balik hasil yang sedang dilakukan.

"Menyedari potensi ini saya telah berhenti kerja dan menumpukan sepenuh perhatian kepada ladang dan perniagaan berkaitan vanila. Orang ramai khususnya anak muda dan penuntut institusi adalah digalakkan menceburi bidang penanaman vanila yang memerlukan tempoh tiga tahun sebelum menghasilkan buah yang pertama.

Harga pasaran semasa vanila ketika ini mencecah AS$800 (RM3,265).

"Harga vanila di pasaran negara bermula dari RM1,400 ke RM2,000 sekilogram mengikut gred. Kami sedang menumpukan projek di lot 2231 Jalan Chenor Lama, Paya Kelubi Kampung Bangau Parit Temerloh

Bagi mereka yang berminat dengan pakej tanaman, M Feisal berkata, Vanilla Temerloh menyediakan pakej tanaman vanila yang boleh dibuat menerusi salah satu kaedah, iaitu konvensional atau moden.

M Feisal kini aktif menyampaikan seminar bagi pengusaha baharu dengan bayaran RM200 seorang sehari.

*Imbas kod QR untuk rakaman penuh FB live ini*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 12 |

# Tiada isu lambakan telur

**TANJUNG MALIM** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menolak dakwaan berlaku lambakan bekalan telur di pasaran hingga menyebabkan harga barangan itu turun.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, berdasarkan rekod Jabatan Perkhidmatan Veterinar, pengeluaran telur di negara ini sentiasa berada pada paras 120 peratus iaitu mencukupi bagi kegunaan domestik dan eksport.

Menurutnya, selain untuk kegunaan domestik, pengeluar telur juga mengeksport ke negara luar terutama Singapura dan Hong Kong.

"Saya tidak istilahkan ia sebagai lambakan atau lebihan kerana pengusaha mempunyai komitmen dan terikat untuk jangka masa panjang dengan negara pengimport, mereka punya tujuan menjamin bekalan mencukupi untuk dalam negara dan eksport.

"Jadi kita tak boleh katakan lambakan ini akan menyebabkan penurunan harga telur kerana keadaan sekarang bekalan itu adalah mencukupi," katanya kepada pemberita, semalam.

Katanya, dalam menentukan kawalan harga telur, KPDNHEP telahpun menyenaraikan telur gred A, B dan C dalam Skim Kawalan Harga Barang.

"Ini jaminan kita berikan (kawalan harga), jadi baik kepada pemborong atau peruncit, mereka tidak boleh menjual telur melepasi harga siling yang ditetapkan," katanya.

Pada musim perayaan Tahun Baharu Cina lalu, harga maksimum runcit telur ayam gred A ditetapkan pada kadar 44 sen manakala gred B adalah 43 sen dan gred C 42 sen sebiji.

Terdahulu, Saifuddin hadir ke Mesyuarat Agung Dwi Tahunan Perwakilan Ikatan Mandailing Malaysia-Indonesia (Imami) di Dewan Seri Tanjung Majlis yang dirasmikan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.



Saifuddin dan Ahmad Faizal (tengah) bersama sebahagian ahli dan Jawatankuasa Pusat Imami sempena Mesyuarat Agung Dwi Tahunan, semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | UTUSAN MALAYSIA | RENCAM | 53 |

# Baja bio pilihan baharu petani

Oleh RABIATUL ADAWIYAH KOH ABDULLAH

PENGGUNAAN bahan kimia dalam sektor pertanian memberi kesan jangka panjang kepada kesihatan dan alam sekitar. Secara fizikal, hakisan bahan kimia yang terlarut dalam tubuh akan 'makan' secara senyap.

Bagi menangani masalah itu, Datuk Dr. Che Rozmey Che Din menghasilkan baja bio, *DDR Bio Grow* iaitu kombinasi kuasa bio dan lautan yang dihasilkan menerusi penyelidikan serta kajian saintifik teknologi terkini.

Rozmey berkata, penghasilan *DDR Bio Grow* turut menyokong usaha kerajaan yang memfokuskan meningkatkan hasil pertanian dan makanan sekali gus mengukuhkan ekonomi petani serta meningkatkan sektor pertanian.

Menurutnya, *DDR Bio Grow* ialah baja polimer yang diekstrak daripada kulit udang dan cengkerang ketam menerusi teknologi biosains dan fasiliti makmal terkini.

"Idea menghasilkannya tercetus apabila melihat sektor pertanian yang dijalankan oleh golongan petani berusia dan muda yang sering berhadapan dengan masalah padi dan hasil pertanian disebabkan pelbagai faktor antaranya tanah, serangan serangga, siput perosak dan tikus," katanya pada sidang akhbar di The Pearl Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Melihat kepada permasalahan itu, Rozmey bekerjasama dengan rakannya seorang pakar kimia dalam polimer bagi menghasilkan baja yang dapat membantu petani meningkatkan hasil pertanian.

Rozmey berkata, menerusi kajian dijalankan kuasa bio mampu membantu menjadikan tanah subur dan gembur serta kaya dengan organik dan bakteria yang baik.

Selain penggunaan kuasa bio, baja ini turut mengandungi hasil lautan iaitu kitosan dan rumpai laut sebagai pendorong pembesaran dengan meningkatkan pemecahan sel-sel tumbuhan bagi merangsang pertumbuhan dan pembesaran lebih baik selain mempercepatkan peningkatan proses fotosintesis.

Beliau berkata, baja ini kaya dengan NPK (unsur utama) dan *trace element* (unsur surih) yang membantu membentuk pertumbuhan akar dan penyerapan nutrien dalam tanah, kaya dengan PGR (*plant growth regulator*), penggalak dan pembesaran tumbuhan.

"Ia juga membantu percambahan biji benih dan pembesaran tanaman serta meningkatkan daya pertahanan pokok terhadap cuaca dan serangan penyakit. DDR dibangunkan untuk semua jenis tanaman, tanah, mencegah ancaman bakteria, virus, fungus, serangga dan haiwan perosak.

"Selain itu, baja bio ini juga merawat serangan penyakit bermula daripada akar, batang hingga hasil. Ia juga mengurangkan kos baja dan rawatan pokok serta meningkatkan pendapatan petani," katanya.

Tambahnya, DDR Bio Grow didatangkan dalam saiz satu liter bagi kegunaan 1.3 hektar sawah semusim (RM65) dan empat liter untuk kegunaan berkeluasan 0.9 hektar.



CHE ROZMEY CHE DIN menunjukkan produk keluaran syarikatnya, baja bio, DDR Bio Grow.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 17/3/2019 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Realiti pemisahan komoditi industri, makanan

Jika melentur prestasi semasa, negara ada enam dekad bukti untuk menerangkan mengapa sektor pertanian kita masih tidak berubah dari segi struktur.

Dari dulu hingga kini wujud dualistik dalam pertanian iaitu subsektor komoditi industri (sawit dan getah) dan subsektor makanan (tanaman, ternakan dan perikanan).

Lumrah ekonomi, sektor maju seperti sawit menarik sokongan kerajaan dan pelaburan swasta kerana pulangan tinggi. Sokongan aktif menjadikan sektor ini kian maju.

Namun, sebaliknya berlaku kepada sektor seperti makanan negara yang kurang maju, kerana sokongan tidak mencukupi. Malah sektor tanaman industri menarik keluar input pertanian seperti tanah, buruh dan modal daripada sektor makanan.

Keluasan sawit meningkat daripada 56,000 hektar (ha) pada 1960 kepada 5.7 juta ha pada 2017. Getah pula menurun daripada puncaknya 1.5 juta ha pada 1976 kepada 670,000 ha kini. Tanaman koko hampir pupus selepas memuncak pada 1989 dengan 414,000 ha.

Tiga pola gelagat ditampilkan komoditi industri. Sawit menunjukkan kelok keluasan bertumbuh eksponen dari tahun ke tahun, namun pertumbuhan mungkin terencat, mendatar atau turun tidak berapa lama lagi apabila batasan tanah mencapai 6 juta ha.

Tanaman getah yang mencapai puncak sekitar 1960-an dan 1970an kian pudar. Ada estet gulung tikar beralih kepada sawit dan kini 95 peratus adalah pekebun kecil. Industri koko pula boleh disifatkan 'maju dan tumpas' mirip dialami Brazil sebelum ini.

Jika 1970-an getah dianggap komoditi utama mengambil hampir 60 peratus keluasan tanah pertanian, kini tiga perempat tanah pertanian diliputi kelapa sawit sebagai tanaman tunggal.

**Isu mencabar di sebalik kejayaan**

Apapun penekanan kepada tanaman industri, ia berbaloi dari segi faedah ekonomi. Sektor ini menyumbang 7.7 peratus keluasan dalam negara kasar (KDNK) pada 2017, dengan nilai tambah bernilai RM90 bilion (RM56 bilion kelapa sawit dan RM15 bilion getah) dan nilai eksport RM140 bilion.

Ia menampung lebih 760,000 pekebun kecil atau hampir 3 juta ahli keluarga.

Kejayaan ini dibayangi isu mencabar seperti kesan kehilangan kepelbagaian bio dalam hutan, kepupusan beberapa spesies haiwan termasuk orang-utan, kesan alam sekitar seperti baja kimia kepada tanah dan sungai serta bahan buangan kilang yang disalurkan ke sungai.

Ada juga tuduhan langkah 'perampasan tanah' ke atas syarikat perladangan. Sektor ini menggunakan hampir 400,000 pekerja asing, bermakna setiap tahun berbilion wang negara mengalir keluar ke Indonesia dan Bangladesh. Kesatuan Eropah (EU) juga menuduh sektor kelapa sawit merosakkan alam sekitar.

Memerhatikan citra sektor tanaman makanan, dari semua sudut ia berbeza. Kalau keluasan tanah tanaman industri meningkat, tanaman makanan pula kurang 1 juta ha pada 2015. Syer tanaman makanan daripada keluasan tanah pertanian hampir satu pertiga (1960), kini hanya 10 peratus sahaja. Penurunan tidak diiringi peningkatan produktiviti.

Berbeza tanaman industri, tiada kitaran untuk komoditi makanan dan permintaannya berterusan dalam segenap situasi.

Walaupun kehausan tanah, tanaman makanan tetap diperlukan sepanjang masa tanpa mengira turun naik harga atau kejutan pasaran. Apa jenis tanaman makanan sekalipun membawa faedah pelbagai - peluang pekerjaan, pendapatan dan sekuriti makanan penduduk.

Tanaman makanan memperkasakan kepelbagaian bio tempatan. Secara kecil-kecilan, ia membantu pemuliharaan alam seperti tasik, sungai dan hutan sekeliling kebun. Berbeza sawit yang meratakan tanah, lantas merosakkan landskap dan tumbuhan asal kawasan.

**Pilihan penumpuan komoditi**

Tanaman makanan mewarnakan landskap dengan indah. Kadangkala di kala krisis ekonomi, perusahaan tanaman makanan boleh menjadi sumber pendapatan. Tanaman campuran pula sangat mesra ekologi dan lestari.

Tidak seperti tanaman industri, tanaman makanan hanya memerlukan keluasan kecil. Pulangan per hektar tanaman sayur-sayuran lebih tinggi berbanding sawit dan getah.

Walaupun tanaman makanan memberi pelbagai faedah, industri ini masih belum menunjukkan kemajuan membanggakan kecuali ayam pedaging, telur dan akuakultur.

Defisit perdagangan makanan kian membesar dari tahun ke tahun, mencecah RM19 bilion pada 2018. Hampir semua makanan utama diimport termasuk produk tenusu, daging, ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, bijirin, beras dan gula.

Bukan setakat makanan, input mengeluarkan makanan juga diimport seperti benih untuk beberapa tanaman, baka ternakan, baja, racun perosak dan rumpai, mesin dan jentera malahan buruh.

Mengapa Malaysia tidak mampu menyara makanan untuk penduduknya walaupun ada faedahnya. Kita ada tanah, kepelbagaian bio kedua terbesar di dunia, cukup matahari dan hujan dan prasarana.

Negara bertanah gersang seperti Israel atau kecil seperti Holland dan yang pernah ranap oleh peperangan seperti Vietnam dan Korea, semuanya mampu membangunkan industri makanan untuk penduduknya dengan jaya sekali.

Maksudnya dalam enam dekad lalu, Malaysia memilih mengeluarkan komoditi tidak diperlukan penduduknya, untuk keperluan negara kaya.

Lebihan eksport ini digunakan untuk mengimport makanan, meminggirkan pengeluaran makanan tempatan sebegitu lama. Adakah ini pilihan tepat untuk Malaysia?

Tanaman industri menggembleng faedah berbanding (tanah, cuaca) dan menokok faedah daya saing melalui kajian dan pembangunan (R&D), sokongan fiskal, prasarana dan lain-lain. Sebaliknya berlaku untuk tanaman makanan.

Pemisahan antara dua sektor - komoditi industri dan makanan - merugikan penduduk Malaysia kerana tidak dapat menikmati nutrisi terbaik, di samping faedah kekayaan kepelbagaian bio yang ada.

Jika pemisahan berterusan, kerugian akan membesar dan negara akan bergantung selama-lamanya kepada makanan import.

> "Tanaman makanan memperkasakan kepelbagaian bio tempatan. Secara kecil-kecilan, ia membantu pemuliharaan alam seperti tasik, sungai dan hutan sekeliling kebun. Berbeza sawit yang meratakan tanah, lantas merosakkan landskap dan tumbuhan asal kawasan"

[FOTO HIASAN]



***Pulangan per hektar** tanaman sayur-sayuran lebih tinggi berbanding sawit.*